



Received: 2024-12-14

Accepted: 2025-09-12

Published: 2026-06-22

Original Article

## 'Abd Allah Ibn Al-Siddiq Al-Ghumari: Pemikiran Akidah Dan Pengaruh Sebagai Akademia Agung

*('Abd Allah Ibn al-Siddiq al-Ghumari: Theological Thought and Influence as a Distinguished Scholar)*

Muhammad Amirul Munir Azlina<sup>a\*</sup> & Mohd Farhan Md Ariffin<sup>b</sup>

<sup>a</sup> Pelajar Prasiswazah. Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

<sup>b</sup> Pensyarah Kanan. Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\* Corresponding author, email; [a187056@siswa.ukm.edu.my](mailto:a187056@siswa.ukm.edu.my)

---

### ABSTRACT

The religious scholars play a massive role in spreading knowledge and shaping the minds of the Muslim community. Their influence extends not only to religious thinking but also to social and political aspects, especially in this modern time. Therefore, this article will dive into the ideas on the aspect of theology and the influence of 'Abd Allah ibn al-Siddiq al-Ghumari, a prominent hadith scholar from Morocco who played a significant role in the world of Islamic scholarship in the 20th century. This study employs a qualitative method with a content analysis approach, drawing on library sources, analysis of works, and literary studies. The study found that al-Ghumari emphasized the principle of *tanzih* in creed, supported the method of *ta'wil* as one of the approaches to *tanzih*, and rejected the notions of *tajsim* and *tashbih* in relation to Allah's attributes. He also had his own reasoning (*ijtihad*) on secondary issues of creed and critiqued the different views using evidence from the Quran and al-Sunnah. The study findings also reveal that he was a prolific, proactive, and encyclopedic figure. His vast influence through his many writings and successors had resulted in a great and valuable impact on the development of contemporary Islamic thought, solidifying his status as a remarkable academic figure.

**Keywords:** Al-Ghumari, Theology, Hadith, Thoughts, Influence, Religious Studies.

---

## Pengenalan

Ulama dan ilmuwan Islam memainkan peranan yang sangat penting terhadap pembentukan pemikiran umat Islam. Mereka merupakan pewaris para nabi dan pemangkin kepada reformasi pemikiran umat Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW.<sup>1</sup> Ketokohan ulama-ulama Islam khususnya ulama dalam bidang hadith memberi sumbangan yang sangat besar kepada umat pada sekitar abad ke-20, antaranya 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Nur al-Din 'Itr, Muhammad 'Awwamah dan ramai lagi. Artikel ini akan menumpukan kepada pemikiran akidah dan pengaruh seorang tokoh ulama hadith yang berasal dari bumi Maghribi iaitu 'Abd Allah ibn al-Siddiq al-Ghumari.

Al-'Allamah al-Hafiz al-Sayyid 'Abd Allah ibn al-Siddiq al-Ghumari merupakan salah seorang tokoh ulama kontemporari yang tersohor pada zaman kini. Beliau telah meninggalkan pengaruh yang besar dalam dunia keilmuan Islam selama lebih 50 tahun dengan pandangannya yang berani, fatwa-fatwa yang relevan dan penulisannya yang bermanfaat.<sup>2</sup> Al-Ghumari juga merupakan seorang tokoh ensiklopedik dan prolific disebabkan sumbangan dan khidmat baktinya yang besar kepada masyarakat. Oleh kerana itu, beliau telah digelar sebagai mujtahid abad ke-20 atau *al-mutafannin* kerana keilmuan dan kemahiran beliau yang mendalam pada pelbagai cabang ilmu.<sup>3</sup>

Kehebatan al-Ghumari diwarisi daripada keluarganya yang terkenal sebagai keluarga ilmuwan yang masyhur di negara Maghribi. Keluarga al-Ghumariyah memiliki jasa yang besar dalam penyebaran ilmu kepada umat Islam khususnya dalam bidang hadith. Ramai ulama dari pelbagai negara mengambil ijazah dan sanad daripada mereka pada abad ke-14 dan 15.<sup>4</sup>

Pemikiran al-Ghumari yang luas telah membentuk reformasi dan nafas yang baharu terhadap tradisi ulama terdahulu dan berusaha menyesuaikan dengan arus kemodenan semasa.<sup>5</sup> Hasil daripada pemikiran tersebut telah memberikan impak yang besar terhadap dunia keilmuan Islam. Oleh itu, artikel ini diketengahkan untuk mengenalpasti pemikiran al-Ghumari dari sudut akidah serta pengaruh beliau sebagai seorang akademia ulung. Penulisan dimulakan terlebih dahulu dengan membawakan latar belakang biografi al-Ghumari seperti kelahiran, keluarga, kewafatan, pendidikan awal dan latar belakang pengajian.

## Skop dan Metodologi Kajian

Metodologi kajian ialah merancang atau mengatur perancangan umum bagi sesuatu penyelidikan yang ingin dilaksanakan supaya ia dapat menatijahkan data-data yang tepat atau

---

<sup>1</sup> Shukri Ahmad, *Pengaruh Pemikiran Ulama di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke-20* (Sintok: UUM Press, 2014), 1.

<sup>2</sup> Faruq Hamadah, *'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari: al-Hafiz al-Naqid, 'Ulama' wa Mufakkirun Mu'asirin: Lamahat min Hayatihim wa Ta'rif bi Mu'allafatihim* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2006), 5.

<sup>3</sup> Suheil Ismail Laher, *A Twentieth-Century Mujtahid: The Life and Thought of Shaykh 'Abdullah al-Ghumari*, Tesis Sarjana, Graduate School of Arts and Sciences, (Boston University, Massachusetts, United States, 2007).

<sup>4</sup> Rizki Zulkarnain, *Kritik Hadits Ahmad al-Ghumari Terhadap Hadits-hadits Palsu Riwayat al-Quda'i dalam Kitab al-Jami' al-Saghir*, Tesis Sarjana, Fakultas Ushuluddin dan Filsafat, (Universitas Islam Negri Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia, 2018), 38.

<sup>5</sup> Suheil Ismail Laher, *Re-forming The Knot – 'Abdullah al-Ghumari's Iconoclastic Sunni Neo-Traditionalism*, *Journal of College of Sharia & Islamic Studies* 36(1), (2018), 203.

hampir tepat bagi menghasilkan dapatan-dapatan yang bermutu.<sup>6</sup> Metodologi kajian bagi penulisan artikel ini adalah berbentuk kualitatif yang memfokuskan tentang kajian tokoh menggunakan kaedah analisis kandungan.

Pengumpulan data diperoleh hasil dari sumber kepustakaan, tinjauan karya dan literasi kesusasteraan seperti kitab, tesis, artikel dan jurnal. Aplikasi bagi pengumpulan data dalam kajian ini adalah meneliti rekod bertulis yang menceritakan tentang latar belakang 'Abd Allah al-Ghumari. Metode ini digunakan untuk mengenal pasti pemikiran dan pengaruh al-Ghumari dalam dunia keilmuan Islam.

### **Biografi 'Abd Allah ibn al-Siddiq al-Ghumari**

Nama penuh al-Ghumari ialah al-Sayyid 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq bin Ahmad bin Muhammad bin al-Qasim bin Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Mu'min al-Ghumari al-Hasani al-Idrisi. Salasilah beliau daripada sebelah ibu dan bapa bersambung sehingga 'Ali bin Abi Talib dan Fatimah al-Zahra' binti Rasulullah SAW.<sup>7</sup> Nasab keluarganya terkenal dan dikenali di kawasan Ghumarah dan selainnya, dan keabsahan nasabnya diakui dengan kesaksian oleh masyarakat.<sup>8</sup>

Al-Ghumari dilahirkan pada penghujung Jamadilakhir atau awal Rejab tahun 1328H bersamaan 1910M di Tangier, utara Maghribi. Ayah beliau iaitu al-Sayyid Muhammad bin al-Siddiq merupakan salah seorang di kalangan ulama mujtahid yang menguasai ilmu balaghah, nahu, tafsir, fiqh, usul dan tasawwuf. Ibunya pula iaitu al-Sharifah Fatimah al-Zahra' merupakan cucu kepada Ahmad bin 'Ajibah, seorang ulama faqih, sufi lagi mufassir yang mengarang banyak kitab antaranya *Iqaz al-Himam fi Sharh al-Hikam* dan *al-Bahr al-Madid fi Tafsir al-Quran al-Majid*.<sup>9</sup>

Al-Ghumari merupakan anak kedua daripada lapan orang adik-beradik. Tujuh orang daripada mereka merupakan ulama-ulama yang hebat iaitu Ahmad, Muhammad al-Zamzami, 'Abd al-Hayy, 'Abd al-'Aziz, al-Hasan dan Ibrahim.<sup>10</sup> Abang sulungnya, Ahmad memberikan gelaran (*kunya*) kepada beliau dengan gelaran Abu al-Majd, namun gelaran yang masyhur adalah Abu al-Fadl iaitu gelaran yang diberikan oleh beliau sendiri kerana ia merupakan gelaran bagi 3 orang ulama' *huffaz* kecintaan beliau iaitu Zayn al-Din al-'Iraqi, al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani dan Jalal al-Din al-Suyuti.<sup>11</sup>

Al-Ghumari telah menghembuskan nafas terakhir pada 19 Syaaban 1413H bersamaan 11 Februari 1993M setelah lebih 2 bulan terlantar sakit di atas katil ketika umurnya mencapai 83

---

<sup>6</sup> Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, *Mengenal Kuantitatif dan Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022), 49.

<sup>7</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Bida' al-Tafasir* (Casablanca: Dar al-Rashad al-Hadithah, 1986), 163.

<sup>8</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Sabil al-Tawfiq fi Tarjamah 'Abd Allah bin al-Siddiq* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2012), 8 dan 'Uthmān, 'Uwaysī. The Sufi Dimension in the Algerian Discourse (Mustafa al-Ghumari as a Model), *Muḥāwarāt fī al-Adab wa al-Naqd* 3, no. 4 (2023): 30–36.

<sup>9</sup> Al-Jabari, 'Abd Allah, *Al-Ijtihad al-Fiqhi 'inda al-Hafiz 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2011), 21-22.

<sup>10</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Mawsu'ah al-'Allamah al-Muhaddith al-Mutafannin Sayyidi al-Sharif 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani*, Mahmud Sa'id bin Muhammad Mamduh (pnys.), (Kaherah: Dar al-Salam, 2017), 1: 45.

<sup>11</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Sabil al-Tawfiq fi Tarjamah 'Abd Allah bin al-Siddiq* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2012), 64.

tahun. Jenazah beliau telah disemabayangkan dengan pimpinan adiknya, 'Abd al-'Aziz selepas solat Jumaat di Masjid Agung Tangier. Ribuan manusia terdiri daripada murid-murid dan para pecintanya datang dari pelbagai wilayah-wilayah Maghribi untuk memberikan penghormatan terakhir kepada beliau sehingga memenuhi jalan dari masjid sehingga ke tempat persemadian. Beliau telah dimakamkan di Zawiyah al-Siddiqiyah bersebelahan pusara ayahandanya.<sup>12</sup>

### Latar Belakang Pendidikan 'Abd Allah ibn al-Siddiq al-Ghumari

Al-Ghumari mendapat pendidikan awal daripada bimbingan ayahandanya sendiri. Beliau didaftarkan oleh ayahandanya ke *Kuttab* (pusat pengajian kanak-kanak) ketika usianya hampir mencecah lima tahun dan beliau telah menghafaz al-Quran mengikut riwayat Warsh dengan baik. Ketika itu, beliau juga berminat untuk mendalami ilmu *rasm* al-Quran sehingga beliau berjaya menghafaz sebahagian besar *Manzumah Mawrid al-Zam'an* karya al-Kharraz (w. 718H) disebabkan minat beliau yang mendalam terhadap ilmu tersebut.<sup>13</sup>

Selain itu, al-Ghumari juga turut menghafaz beberapa matan ilmu seperti *al-Arba'in al-Nawawiyah*, *al-Ajurrumiyah*, sebahagian daripada *Alfiyyah Ibn Malik*, *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam* dan *Mukhtasar al-Khalil*.<sup>14</sup> Pada peringkat ini juga beliau telah mempelajari kitab *Sharh al-Azhari 'ala al-Ajurrumiyah* daripada abangnya iaitu Abu al-Fayd al-Sayyid Ahmad al-Ghumari beserta bapa saudaranya iaitu al-Sayyid Ahmad bin 'Abd al-Hafiz bin 'Ajibah dan sepupunya iaitu al-Sayyid Ahmad bin 'Abd al-Samad.<sup>15</sup> Walaupun dipenuhi dengan pengajian ilmu, namun beliau tetap mengisi masa kanak-kanaknya dengan kecenderungan bermain bola sepak dan memancing ikan pada beberapa waktu.<sup>16</sup>

Pada tahun 1926, al-Ghumari menurut perintah ayahandanya untuk melanjutkan pengajian di Universiti al-Qarawiyyin, Fes.<sup>17</sup> Universiti al-Qarawiyyin merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang hebat di benua Afrika dan juga merupakan universiti tertua di dunia.<sup>18</sup> Sistem pengajian di sana adalah berbentuk tradisional iaitu sistem *halaqah* (murid duduk

---

<sup>12</sup> Faruq Hamadah, *'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari: al-Hafiz al-Naqid, 'Ulama' wa Mufakkirun Mu'asirun: Lamahat min Hayatihim wa Ta'rif bi Mu'allafatihim* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2006), 29; Al-Jabari, *'Abd Allah, Al-Ijtihad al-Fiqhi 'inda al-Hafiz 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2011), 127, dan Sari, Serli Ratna. "Batasan Akal Mufassir (Analisis Pemikiran Al-Ghumari Tentang Sebab Kesalahan Tafsir)." *SETYAKI: Jurnal Studi Keagamaan Islam* 1, no. 2 (2023): 70-75.

<sup>13</sup> Al-Jabari, *'Abd Allah, Al-Ijtihad al-Fiqhi 'inda al-Hafiz 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2011), 22-23.

<sup>14</sup> Faruq Hamadah, *'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari: al-Hafiz al-Naqid, 'Ulama' wa Mufakkirun Mu'asirun: Lamahat min Hayatihim wa Ta'rif bi Mu'allafatihim* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2006), 11.

<sup>15</sup> Al-Jabari, *'Abd Allah, Al-Ijtihad al-Fiqhi 'inda al-Hafiz 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2011), 23.

<sup>16</sup> Al-Ghumari, *'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, Sabil al-Tawfiq fi Tarjamah 'Abd Allah bin al-Siddiq* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2012), 14 dan Sari, Serli Ratna. "Batasan Akal Mufassir (Analisis Pemikiran Al-Ghumari Tentang Sebab Kesalahan Tafsir)." *SETYAKI: Jurnal Studi Keagamaan Islam* 1, no. 2 (2023): 70-75.

<sup>17</sup> *Ibid*, 15.

<sup>18</sup> Muhammad Nazmul Hoque & Md. Faruk Abdullah, The World's Oldest University and Its Financing Experience: A Study on al-Qarawiyyin University (859-990), *Journal of Nusantara Studies* 6(1), (2021), 26.

mengelilingi guru) dan belajar secara *talaqqi*. Setiap guru di sana memiliki tempat yang dikhususkan untuk mengajarkan ilmu sesuai mengikut kepakarannya.<sup>19</sup>

Al-Ghumari menetap di Fes selama lebih kurang enam bulan kemudian pulang semula ke Tangier selama beberapa tahun. Setelah itu, beliau kembali semula ke Fes untuk menyambung pengajiannya dengan lebih mendalam dan penuh komited.<sup>20</sup> Di sana, beliau mempelajari ilmu nahu, fiqh, hadith, tafsir, usul dan *mantiq* daripada guru-guru yang masyhur, antaranya al-Habib al-Muhaji, Ahmad al-Qadiri, Muhammad al-Sanhaji, Ahmad bin al-Jilani, 'Abd Allah al-Fudayli, al-Husayn al-'Iraqi, 'Abd al-Hayy al-Kattani, al-'Abbas al-Bannani dan ramai lagi.<sup>21</sup>

Pada tahun 1930, ayahanda al-Ghumari telah mengizinkan beliau untuk berkelana menuntut ilmu di Mesir. Beliau berangkat menuju Iskandariah bersama saudara kandungnya iaitu al-Sayyid Ahmad dan al-Sayyid Muhammad al-Zamzami juga diikuti seorang rakan bernama al-Hajj Ahmad 'Abd al-Salam al-Sharqi dengan menaiki kapal wap Jepun.<sup>22</sup> Mereka selamat sampai di Iskandariah pada penghujung Syaaban tahun yang sama dan tiba di Kaherah pada minggu pertama dalam bulan Ramadan. Setelah berlalu Ramadan dan cuti hari raya, akhirnya al-Ghumari berjaya mendaftarkan diri di al-Azhar al-Sharif dalam pengajian tinggi dan menuntut ilmu di kalangan para ulama al-Azhar dalam bidang fiqh, usul, *mantiq* dan lain-lain.<sup>23</sup>

Setelah dua tahun menuntut ilmu di Mesir, al-Ghumari mengambil ujian *Shahadah al-'Alimiyyah* bagi kategori warga asing (selain kerakyatan Mesir) di atas dorongan rakan-rakannya. Akhirnya, beliau berjaya menjalani ujian tersebut yang merangkumi 12 cabang ilmu iaitu ilmu usul, *ma'ani*, *bayan*, *badi'*, nahu, *sarf*, tauhid, *mantiq*, hadith, *mustalah*, fiqh dan tafsir dengan keputusan yang cemerlang.<sup>24</sup> 9 tahun kemudian, al-Ghumari berjaya memperoleh *Shahadah al-'Alimiyyah al-Azhariyyah* dengan tambahan 3 cabang ilmu iaitu ilmu '*arud* dan *qafiyah*, ilmu *al-wad'* dan ilmu tasawwuf. Beliau juga merupakan pelajar ketiga daripada enam orang yang layak memperoleh sijil tersebut yang pada asalnya ia dijalani seramai 286 orang pelajar.<sup>25</sup> Disebabkan pencapaian tersebut, al-Ghumari merupakan satu-satunya individu yang menghimpunkan pengajian di al-Qarawiyyin dan al-Azhar seterusnya beroleh *Shahadah al-'Alimiyyah al-Azhariyyah* ketika itu.<sup>26</sup> Berdasarkan catatan ini, dapat dilihat bahawa penguasaan ilmu al-

---

<sup>19</sup> Faruq Hamadah, '*Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari: al-Hafiz al-Naqid, 'Ulama' wa Mufakkirun Mu'asirun: Lamahat min Hayatihim wa Ta'rif bi Mu'allafatihim* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2006), 12.

<sup>20</sup> Al-Jabari, '*Abd Allah, Al-Ijtihad al-Fiqhi 'inda al-Hafiz 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2011), 23.

<sup>21</sup> Al-Ghumari, '*Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, Bida' al-Tafasir* (Casablanca: Dar al-Rashad al-Hadithah, 1986), 166-167.

<sup>22</sup> Al-Ghumari, '*Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, Sabil al-Tawfiq fi Tarjamah 'Abd Allah bin al-Siddiq* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2012), 20.

<sup>23</sup> Faruq Hamadah, '*Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari: al-Hafiz al-Naqid, 'Ulama' wa Mufakkirun Mu'asirun: Lamahat min Hayatihim wa Ta'rif bi Mu'allafatihim* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2006), 15.

<sup>24</sup> Al-Ghumari, '*Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, Sabil al-Tawfiq fi Tarjamah 'Abd Allah bin al-Siddiq* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2012), 22.

<sup>25</sup> Al-Jabari, '*Abd Allah, Al-Ijtihad al-Fiqhi 'inda al-Hafiz 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2011), 25.

<sup>26</sup> Al-Ghumari, '*Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, Mawsu'ah al-'Allamah al-Muhaddith al-Mutafannin Sayyidi al-Sharif 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani*, Mahmud Sa'id bin Muhammad Mamduh (pnys.), (Kaherah: Dar al-Salam, 2017), 1: 49.

Ghumari dalam setiap cabang keilmuan sebenarnya terbina dari bimbingan guru-guru beliau semenjak kecil lagi iaitu semasa di Tangier sehinggalah perjalanannya ke Fes dan Mesir.<sup>27</sup>

Meninjau sorotan literatur, kajian mengenai pemikiran sosok tokoh ilmuwan bernama 'Abd Allah al-Ghumari masih jarang dibahaskan dalam dunia akademik dan belum meluas. Namun terdapat beberapa inisiatif yang telah dilakukan oleh sebahagian murid beliau dan akademia yang lain demi menyebarkan pemikiran dan sumbangan beliau dalam dunia Islam. Antaranya ialah murid al-Ghumari sendiri iaitu Mahmud Sa'id Mamduh yang menghimpunkan karya-karya al-Ghumari berbentuk kitab, makalah dan soal jawab fatwa dalam sebuah ensiklopedia setebal 19 jilid. Selain itu, Faruq Hamadah yang juga merupakan murid al-Ghumari turut menghasilkan karya yang menceritakan tentang latar belakang gurunya itu beserta penulisan dan sanad-sanad beliau.

Dari sudut kajian akademik, terdapat beberapa artikel dan tesis yang telah dijalankan oleh beberapa orang akademia dari Maghribi, antaranya ialah 'Abd Allah al-Jabari yang mengkaji ijtihad al-Ghumari dalam permasalahan fiqh<sup>28</sup>, Nasibah al-Ghalbazuri yang memfokuskan metodologi al-Ghumari dalam bidang tafsir dan 'ulum al-Quran<sup>29</sup>, dan Muhammad al-'Arusi yang mengkaji metodologi al-Ghumari dalam mensahihkan hadith<sup>30</sup>.

Terdapat juga tesis peringkat sarjana di Universiti Boston yang telah dikemukakan oleh Suheil Ismail Laher. Kajian tersebut memfokuskan kepada pemikiran al-Ghumari sebagai seorang mujtahid abad ke-20<sup>31</sup>. Kajian mengenai al-Ghumari juga telah dijalankan oleh beberapa orang daripada nusantara seperti Malaysia dan Indonesia, antaranya Nurul Ulya Fahmi Zakiyyah yang mengkaji metodologi al-Ghumari dalam karya *Bida' al-Tafasir*<sup>32</sup>, Tariq Jaffri Mohd Akbar yang mengkaji metodologi al-Ghumari dalam kritik matan hadith<sup>33</sup> dan Muhammad Zulhelmi Sidek yang mengkaji pemikiran al-Ghumari tentang isu penghinaan Nabi SAW dalam kitab *al-Sayf al-Battar*<sup>34</sup>.

---

<sup>27</sup> Suheil Ismail Laher, *A Twentieth-Century Mujtahid: The Life and Thought of Shaykh 'Abdullah al-Ghumari*, Tesis Sarjana, Graduate School of Arts and Sciences, (Boston University, Massachusetts, United States, 2007).

<sup>28</sup> Al-Jabari, 'Abd Allah, *Al-Ijtihad al-Fiqhi 'inda al-Hafiz 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani*, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, (Universiti Muhammad V, Rabat, Maghribi, 2009).

<sup>29</sup> Al-Ghalbazuri, Nasibah, 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari: Juhuduhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir wa 'Ulum al-Quran, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, (Universiti Muhammad V, Rabat, Maghribi, 2001).

<sup>30</sup> Muhammad 'Abd al-Jalil al-'Arusi, *Al-Shaykh 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari (1993) wa Manhajuhu fi Tashih al-Ahadith*, *Humanities & Natural Sciences Journal* 3(10), (2022), 26-45.

<sup>31</sup> Suheil Ismail Laher, *A Twentieth-Century Mujtahid: The Life and Thought of Shaykh 'Abdullah al-Ghumari*, Tesis Sarjana, Graduate School of Arts and Sciences, (Boston University, Massachusetts, United States, 2007).

<sup>32</sup> Nurul Ulya Fahmi Zakiyyah, *Bid'ah Dalam Penafsiran al-Quran: Kajian Atas Pemikiran Abdullah al-Ghumari*, Tesis Pascasarjana, (Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia, 2019).

<sup>33</sup> Tariq Jaffri Mohd Akbar, *Manhaj Naqd al-Matn 'inda al-'Allamah 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari*, Tesis Sarjana, Jabatan Hadith dan Ilmu Hadith, Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab (American Open University, Kaherah, Mesir, 2019).

<sup>34</sup> Muhammad Zulhelmi Sidek, *Pemikiran 'Abd Allah bin Siddiq al-Ghumari Tentang Isu Penghinaan Rasulullah dalam Kitab al-Sayf al-Battar*, Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022).

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### Pemikiran Akidah 'Abd Allah ibn al-Siddiq al-Ghumari

Pemikiran diertikan sebagai kegiatan yang berlaku di dalam otak apabila seseorang menghadapi sesuatu keadaan, perbuatan dan sebagainya. Natijah daripada pemikiran adalah fikiran. Pemikiran juga merujuk kepada kebolehan manusia untuk mencipta gagasan-gagasan dan pengertian, berhujah, menilai dan membuat keputusan. Setiap manusia dikurniakan kebolehan berfikir namun cara seseorang itu menggunakan kemampuannya untuk berfikir adalah berbeza antara satu dengan yang lain.<sup>35</sup> Oleh itu, pemikiran al-Ghumari secara asasnya dapat dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu akidah, fiqh dan tasawwuf.

Terdapat sebahagian ulama dan golongan sezaman dengan al-Ghumari seperti al-Albani yang mendakwa bahawa beliau merupakan seorang *tashayyu'* (memiliki kecenderungan kepada fahaman Syi'ah).<sup>36</sup> Hal ini sekaligus telah memberikan suatu tuduhan bahawa tokoh hadith ini memiliki pegangan akidah yang menyimpang dan tidak sejahtera. Namun tuduhan yang dilemparkan tersebut adalah tidak berasas sama sekali bahkan beliau merupakan ulama yang selamat akidahnya. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan pemikiran al-Ghumari dari aspek akidah.

Akidah merupakan asas penting dalam diri seseorang. Akidah yang berada di dalam diri seseorang muslim itu memberikan kesan yang besar secara tidak langsung kepada keilmuan, pemikiran, akhlak dan segala aspek dalam kehidupannya.<sup>37</sup> Secara umumnya, al-Ghumari merupakan ulama yang sejahtera akidahnya daripada segala manhaj dan anasir yang menyimpang daripada kebenaran. Perkara ini dapat ditelusuri melalui karya-karyanya dalam perkara akidah. Hal ini kerana pemikiran seseorang tokoh itu dapat dilihat dan diteliti melalui karya penulisannya.<sup>38</sup>

Al-Ghumari menerangkan mengenai rukun iman secara ringkas di dalam kitabnya iaitu *Khawatir Diniyyah*. Beliau menerangkan dengan gaya bahasa yang tidak kompleks dan tidak mengandungi istilah-istilah kalam, namun segala penerangannya adalah bersandarkan al-Quran dan al-Sunnah.<sup>39</sup> Pemikiran al-Ghumari yang penting dalam akidah dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu ketuhanan, kenabian dan *sam'iyat* (perkara-perkara ghaib).

Dalam persoalan ketuhanan, al-Ghumari tidak akan menyebutkan apa-apa perkara yang menjejaskan kesempurnaan Allah SWT seperti menetapkan tempat bagi Allah SWT dan lain-lain

---

<sup>35</sup> Masrizayu Mustafa, *Pemikiran dalam Novel-novel Khadijah Hashim*, Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, (Universiti Putra Malaysia, 2006), 11 dan Afriza, Nugraha Andri, and Khairul Bahri Nasution. "Rekonstruksi Konsep Syağ Dalam Kajian Hadis: Telaah Pemikiran Syaikh Abdullah Al-Ghumari." *Jurnal Keislaman* 7, no. 2 (2024): 504-520.

<sup>36</sup> Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din, *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharuha al-Sayyi' fi al-Ummah* (Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 1992), 3:42.

<sup>37</sup> Al-Ghalbazuri, Nasibah, 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari: Juhuduhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir wa 'Ulum al-Quran, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, (Universiti Muhammad V, Rabat, Maghribi, 2001).

<sup>38</sup> Masrizayu Mustafa, *Pemikiran dalam Novel-novel Khadijah Hashim*, Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, (Universiti Putra Malaysia, 2006), 11 dan Ahmad Shah, Faisal. "Fiqh Hadith Dalam Kalangan Ulama Hadith Kontemporari. Kajian Terhadap Metode Kefahaman al-Ghumari dalam Isu-Isu Terpilih." *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies* 19, no. 1 (2021): 83-112.

<sup>39</sup> Al-Jabari, 'Abd Allah, *Al-Ijtihad al-Fiqhi 'inda al-Hafiz 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2011), 41.

sepertimana yang berlaku kepada sesetengah ilmuwan yang tergelincir padanya. Beliau mengatakan bahawa Allah SWT itu suci daripada segala kekurangan, bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan tidak sama dengan segala yang baharu.<sup>40</sup> Al-Ghumari juga telah mendatangkan perbezaan pandangan yang berlaku di kalangan ulama berkaitan perbincangan sifat ketuhanan dalam beberapa karyanya lalu beliau membahagikan pandangan tersebut kepada tiga aliran iaitu aliran *tafwid*, aliran *ta'wil* dan aliran *tajsim* serta *tashbih*.<sup>41</sup>

Al-Ghumari kelihatan mendukung aliran *ta'wil* sebagai salah satu daripada jalan *tanzih* dan mengkritik golongan yang mentajsimkan Allah SWT. Beliau menguatkan aliran *ta'wil* kerana menurut beliau aliran ini lebih sesuai demi menjaga keselamatan akidah masyarakat awam. Beliau juga mendatangkan bukti bahawa terdapat ramai ulama yang menetapkan zahir ayat sifat lalu akhirnya telah diresapi fahaman *tashbih* dan *tajsim* dalam akal mereka, maka bagaimana pula dengan orang awam yang tidak memiliki ilmu dan perkara yang dapat memelihara akal mereka daripada jurang kegelinciran akidah.<sup>42</sup>

Selain itu, al-Ghumari juga mentakwilkan beberapa sifat yang lain seperti *al-Istiwa'*, *al-Yad*, *al-'Ayn* dan lain-lain kerana menurutnya, ia akan melazimi fahaman *tashbih* dan *tajsim*. Al-Ghumari juga telah mengarang sebuah kitab berjudul *Fath al-Mu'in bi Naqd Kitab al-Arba'in* untuk mengkritik sebuah kitab yang telah dikarang oleh seorang ulama beraliran Salafi Wahhabi iaitu Abu Isma'il al-Harawi yang berjudul *al-Arba'in fi Dala'il al-Tawhid*. Kitab al-Harawi tersebut dilihat menyimpang daripada prinsip *tanzih* dan kenyataannya yang kelihatan sangat memusuhi aliran akidah al-Asha'irah. Hal inilah yang menjadi faktor penulisan kritikan al-Ghumari terhadap al-Harawi. Beliau mengkritik al-Harawi sebagai seorang yang lemah dalam bahasa Arab dan juga lemah dalam kaedah mengeluarkan dalil (*istidlal*) sehingga menjerumuskan beliau kepada akidah *tashbih*.<sup>43</sup>

Al-Ghumari juga berpendapat bahawa penafsiran ayat sifat mengikut zahir maknanya tanpa penetapan prinsip *tanzih* dan *ta'wil* adalah mazhab *mujassimah* dan *mushabbihah*, dan ia bukanlah berasal daripada mazhab salaf.<sup>44</sup> Maka, dapat disimpulkan bahawa al-Ghumari

---

<sup>40</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Khawatir Diniyyah* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 1968), 1: 5.

<sup>41</sup> Aliran *tafwid* merupakan salah satu pendekatan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang beriman dengan zahir lafaz ayat-ayat *mutashabihat* yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah SWT lalu menyerahkan maknanya yang sebenar sepenuhnya kepada Allah SWT tanpa mentakwil atau membahaskan kaifiatnya serta menafikan sebarang unsur *tajsim* bagi Allah SWT secara mutlak. Aliran *ta'wil* pula merupakan aliran yang menggunakan pendekatan memalingkan lafaz-lafaz ayat *mutashabihat* daripada makna zahir yang mustahil bagi Allah SWT lalu mentakwilkannya dengan makna yang selari dengan kaedah bahasa Arab dan prinsip akidah yang sahih agar tidak membawa kepada *tashbih* atau *tajsim*. Manakala aliran *tajsim* atau *tashbih* adalah aliran yang menyamakan Allah SWT dengan makhluk pada sifat dan perbuatan. Aliran ini menisbahkan sifat Allah SWT dengan makna lahiriah yang serupa dengan makhluk seperti mendakwa bahawa Allah SWT memiliki anggota secara hakikat. Aliran ini adalah aliran yang menyimpang dan menyeleweng dari akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

<sup>42</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Raf' al-Ishkal 'an Mas'alah al-Muhal* (Kaherah: t.pt, 1987), 31.

<sup>43</sup> Muhammad Zulhelmi Sidek, Pemikiran 'Abd Allah bin Siddiq al-Ghumari Tentang Isu Penghinaan Rasulullah dalam Kitab al-Sayf al-Battar, Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022), 59.

<sup>44</sup> Umar Muhammad Noor, *Hadith Sifat: Polemik Takwil Dalam Sejarah Teologi Islam* (Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2022).

menyokong manhaj *ta'wil* sebagaimana yang dijalani oleh para ulama al-Asha'irah. Beliau meyakini bahawa ulama al-Asha'irah berada di atas jalan kebenaran dengan mensucikan Allah SWT daripada menyamakan-Nya dengan makhluk.<sup>45</sup> Ia juga merupakan prinsip dan pegangan beliau dalam berinteraksi dengan ayat dan hadith *mutashabihat* dengan menghimpunkan pandangan di antara mazhab Salaf dan Khalaf pada perbahasan *tafwid* dan *ta'wil*.<sup>46</sup> Namun, tidak semua takwil diterima oleh al-Ghumari, bahkan beliau juga mengkritik beberapa takwilan seperti dalam isu *al-istiwa'* yang ditakwilkan dengan takwilan *al-istila'*.<sup>47</sup>

Dalam persoalan kenabian, al-Ghumari menjelaskan secara ringkas tentang pengertian rasul iaitu manusia yang dipilih oleh Allah SWT daripada keturunan yang mulia, suci daripada segala perangai yang keji lagi hina, terpelihara daripada sifat bohong, khianat dan segala dosa sedari kecil lagi. Mereka mengajak manusia untuk mentauhidkan Allah SWT serta menyembah-Nya dan Allah SWT membantu mereka dengan mendatangkan mukjizat sebagai tanda kebenaran risalah yang telah dibawa oleh mereka.<sup>48</sup>

Terdapat beberapa isu berkaitan persoalan kenabian yang diambil perhatian oleh al-Ghumari, antaranya adalah isu berkaitan kerasulan Nabi Adam AS. Seluruh ulama bersepakat akan kenabian Nabi Adam AS, namun mereka berselisih pendapat tentang status kerasulan Baginda. Sebahagian ulama menafikan kerasulan Nabi Adam AS dan menyatakan bahawa rasul yang pertama ialah Nabi Nuh AS.<sup>49</sup> Mereka mendatangkan hadith *al-shafa'ah* sebagai dalil yang menyokong kenyataan tersebut, antaranya ialah 'Abd al-Wahhab al-Najjar.<sup>50</sup> Muhammad bin 'Abd al-Wahhab al-Najdi juga menyokong pendapat tersebut berdalilkan nas daripada al-Quran.<sup>51</sup>

Pada isu ini, al-Ghumari dilihat mengkritik pandangan ini serta kaedah *istidlal*nya daripada hadith *al-shafa'ah*. Menurut beliau, Nabi Adam AS merupakan seorang rasul kepada isterinya dan seterusnya kepada anak-anak Baginda selepas keluar daripada syurga. Maka, risalah Nabi Adam AS hanya tersebar di sekitar ahli keluarga Baginda sahaja. Adapun Nabi Nuh AS disebutkan sebagai rasul yang pertama di dalam hadith *al-shafa'ah* kerana Baginda merupakan rasul pertama yang menyampaikan risalah kepada penduduk bumi melangkaui lingkungan ahli keluarga dan kerabat dengan skop yang lebih luas iaitu kepada umat manusia.<sup>52</sup> Oleh kerana itu,

---

<sup>45</sup> Al-Ghalbazuri, Nasibah, 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari: Juhuduhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir wa 'Ulum al-Quran, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, (Universiti Muhammad V, Rabat, Maghribi, 2001).

<sup>46</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Al-Ahadith al-Mukhtarah fi al-Akhlaq wa al-Adab al-Musamma al-Ghara'ib wa al-Wuhdan* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2015).

<sup>47</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Jawahir al-Bayan fi Tanasub Suwar al-Quran*. (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, t.th), 36.

<sup>48</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Mawsu'ah al-'Allamah al-Muhaddith al-Mutafannin Sayyidi al-Sharif 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani*, Mahmud Sa'id bin Muhammad Mamduh (pnys.), (Kaherah: Dar al-Salam, 2017), 13: 15.

<sup>49</sup> Al-Khafaji, Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad, *Nasim al-Riyad fi Sharh al-Shifa al-Qadi 'Iyad* (al-Matba'ah al-'Uthmaniyyah, 1312H), 1: 104.

<sup>50</sup> Al-Najjar, 'Abd al-Wahhab, *Qasas al-Anbiya'* (Dar al-'Ilm li al-Jami', t.th), 11.

<sup>51</sup> Al-Najdi, Muhammad 'Abd al-Wahhab, *'Aqidah al-Firqah al-Najiyah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (Beirut: al-Maktab al-Islami, 1397H), 36.

<sup>52</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Qissah Sayyidina Adam 'Alayh al-Salam* (Palestin: Wahah Al al-Bayt li Ihya' al-Turath wa al-'Ulum, 2014), 70.

beliau mengatakan bahawa firman Allah SWT yang mengumpamakan (*tashbih*) risalah Nabi Muhammad SAW dengan risalah Nabi Nuh AS kerana mereka berdua diutuskan kepada umat manusia, bukan kepada ahli keluarga mereka sahaja sepertimana keadaan Nabi Adam AS. Al-Ghumari juga telah mendatangkan dalil-dalil daripada nas al-Quran dan hadith untuk menguatkan pandangan kerasulan Nabi Adam AS.<sup>53</sup>

Al-Ghumari juga mengkritik pandangan yang mengatakan bahawa Khadir AS hanya merupakan seorang wali yang soleh dan bukannya seorang nabi. Pandangan tersebut dipegang oleh sebahagian ulama antaranya Shaykh Mahmud Shaltut, ulama besar Mesir yang juga merupakan Shaykh al-Azhar.<sup>54</sup> Al-Ghumari menjelaskan bahawa pandangan yang sebenar bagi perkara ini ialah Khadir AS merupakan seorang nabi dan mereka yang berpendapat bahawa Baginda hanya seorang wali sebenarnya tersilap daripada beberapa aspek. Seperti kebiasaan, beliau juga telah mendatangkan nas al-Quran sebagai hujah bagi menyokong pandangan yang dikemukakan.<sup>55</sup> Beliau juga mengkritik pandangan Shaltut dan ajaran sesat Qadiyani yang menafikan turunnya Nabi 'Isa AS pada akhir zaman di dalam karya penulisannya iaitu *'Aqidah Ahl al-Islam fi Nuzul 'Isa 'Alayh al-Salam dan Iqamah al-Burhan 'ala Nuzul 'Isa fi Akhir al-Zaman*.<sup>56</sup>

Dalam persoalan perkara-perkara ghaib (*al-sam'iyat*), al-Ghumari beriktikad bahawa apa yang disebutkan di dalam sunnah yang merujuk kepada konsep *al-shafa'ah*, *al-hashr*, *al-'ard*, *al-mizan* dan *al-sirat*. Selain itu, beliau juga berpegang dengan pandangan keharusan orang yang melakukan maksiat untuk keluar daripada neraka dan sekaligus menyatakan tidak wajib konsep *al-Salah wa al-Aslah* bagi Allah SWT. Hal ini bercanggah dengan pandangan yang dipegang oleh aliran al-Mu'tazilah.<sup>57</sup>

Al-Ghumari dilihat mempunyai ijthad dan pandangannya yang tersendiri dalam beberapa isu akidah. Beliau mempunyai perbezaan pandangan dengan aliran al-Asha'irah dalam beberapa perkara cabang antaranya isu *afdaliyyah* (kelebihan) di antara para nabi dan malaikat. Al-Ghumari berpandangan bahawa para malaikat lebih utama berbanding para nabi kecuali Nabi Muhammad SAW, Nabi Ibrahim dan Nabi Musa AS.<sup>58</sup> Beliau juga mengkritik sebahagian ulama al-Asha'irah yang berpandangan bahawa manusia yang baik lebih mulia berbanding malaikat serta pembahagian malaikat kepada kategori awam dan *khawwas* (khusus), sebaliknya beliau berpandangan bahawa malaikat dikategorikan kepada *fadil* (utama) dan *afdal* (lebih utama).<sup>59</sup>

Al-Ghumari juga berselisih pandangan dengan majoriti ulama al-Asha'irah yang menyatakan keharusan Allah SWT melakukan perkara yang mustahil dan beliau lebih cenderung

---

<sup>53</sup> *Ibid*, 59-68.

<sup>54</sup> Shaltut, Mahmud, *Ila al-Quran al-Karim* (Beirut: Dar al-Shuruq, 1983), 83.

<sup>55</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Khawatir Diniyyah* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 1968), 1: 64-65.

<sup>56</sup> Al-Jabari, 'Abd Allah, *Al-Ijthad al-Fiqhi 'inda al-Hafiz 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2011), 100.

<sup>57</sup> Al-Ghalbazuri, Nasibah, 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari: *Juhuduhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir wa 'Ulum al-Quran*, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, (Universiti Muhammad V, Rabat, Maghribi, 2001).

<sup>58</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Bida' al-Tafasir* (Casablanca: Dar al-Rashad al-Hadithah, 1986), 119.

<sup>59</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Khawatir Diniyyah* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 1968), 1: 6.

kepada pendapat al-Maturidiyyah, al-Mu'tazilah dan jumbuh ulama.<sup>60</sup> Kendatipun al-Ghumari agak kritis terhadap beberapa pandangan golongan al-Asha'irah atau majoriti di kalangan mereka, namun ia tidak bermakna bahawa beliau cenderung untuk merendahkan aliran tersebut lebih-lebih lagi mengkafirkannya seperti yang dilakukan oleh sebahagian orang pada masa kini. Al-Ghumari bahkan memuji golongan al-Asha'irah sebagai sebaik-baik dan semulia-mulia orang di kalangan kaum muslimin.<sup>61</sup> Perkara ini menunjukkan sisi kritis beliau yang halus, beliau bersetuju dengan madrasah pemikiran dan manhaj yang dibawa oleh golongan al-Asha'irah namun beliau akan mengkritik dengan lembut dan penuh adab sekiranya menurut beliau berlaku pandangan yang bercanggah dengan dalil.<sup>62</sup>

Adapun tuduhan yang dilemparkan terhadap al-Ghumari bahawa beliau merupakan seorang *tashayyu'*, ianya merupakan tuduhan yang tiada asas dan bukti yang kukuh sama sekali.<sup>63</sup> Bahkan ia hanyalah sekadar sentimen yang dibangkitkan oleh pihak-pihak yang tidak sefahaman dengan beliau. Secara umumnya, diketahui bahawa kebanyakan golongan Syi'ah sering mencela 'A'ishah, Abu Bakr dan 'Umar serta menuduh bahawa Abu Hurairah sebagai seorang pendusta. Namun al-Ghumari banyak menukilkan hadith daripada 'A'ishah dan membela Abu Hurairah di dalam karya-karyanya bahkan beliau banyak memuji Abu Bakr dan 'Umar.<sup>64</sup> Mustahil pujian-pujian sebegitu dapat diterima akal bahawa tokoh ini dipengaruhi dengan fahaman Syi'ah.

Tiada bukti yang dapat ditemukan melalui karya-karya al-Ghumari bagi membenarkan tohmahan tersebut, bahkan dapat ditemui banyak pandangan-pandangan beliau yang mengkritik dan menolak fahaman Syi'ah. Beliau menyifatkan Syi'ah sebagai kelompok yang terkeluar daripada jalan kebenaran dan bertentangan dengan Ahl al-Sunnah.<sup>65</sup> Al-Ghumari juga menjelaskan pendiriannya bahawa Syi'ah secara umumnya mengandungi dakwaan-dakwaan berunsur keterlaluan dan melampau pada perihal Ahli Bait Nabi SAW.<sup>66</sup>

### **Pengaruh 'Abd Allah ibn al-Siddiq al-Ghumari Sebagai Akademia Agung**

Pengaruh ialah kuasa yang terbit daripada orang atas orang lain atau kekuatan batin yang meninggalkan kesan pada orang lain.<sup>67</sup> Di antara pengaruh al-Ghumari ialah penghasilan karya-karya beliau yang merangkumi pelbagai bidang keilmuan antaranya tafsir, hadith, fiqh, tasawwuf dan lain-lain. Dikatakan bahawa al-Ghumari telah menghasilkan dalam lingkungan 100 buah karya peribadi termasuk penulisan-penulisan umum beliau berbentuk kitab, risalah, makalah

---

<sup>60</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Raf' al-Ishkal 'an Mas'alah al-Muhal* (Kaherah: t.pt, 1987), 25.

<sup>61</sup> *Ibid*, 28.

<sup>62</sup> Al-Jabari, 'Abd Allah, *Al-Ijtihad al-Fiqhi 'inda al-Hafiz 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2011), 49.

<sup>63</sup> *Ibid*, 49.

<sup>64</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Al-Hujaj al-Bayyinah fi Ithbat al-Karamat* (Beirut: 'Alam al-Kutub, 1990), 152; Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Al-Ahadith al-Mukhtarah fi al-Akhlaq wa al-Adab al-Musamma al-Ghara'ib wa al-Wuhdan* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2015), 8.

<sup>65</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Al-Istiqsa' li Adillah Tahrim al-Istimna'* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2014), 11; Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Itqan al-Sun'ah fi Tahqiq Ma'na al-Bid'ah* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2005), 23.

<sup>66</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Bida' al-Tafasir* (Casablanca: Dar al-Rashad al-Hadithah, 1986), 103.

<sup>67</sup> *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, Edisi Keempat, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

dan kata pendahuluan (*muqaddimah*) pada karya-karya tertentu.<sup>68</sup> Penulisan karya al-Ghumari bergitu bernilai dan bermutu tinggi sehingga ia mendapat penerimaan yang baik daripada para ulama walaupun mereka yang berbeza pendapat dengannya.<sup>69</sup>

Sifat inklusif dan responsif al-Ghumari dalam menghasilkan karya-karya yang membunikan dan bermanfaat telah mewujudkan interaksi dua hala yang baik dengan masyarakat awam. Perkara ini dapat dilihat apabila beliau mengambil sikap responsif terhadap belia dan masyarakat, antaranya persoalan remaja dari kawasan Port Said mengenai permasalahan onani menurut neraca Islam. Beliau tidak meminggirkan permintaan tersebut bahkan terus menjawab di dalam Majalah *al-Islam* kemudian disusuli dengan karya beliau yang bertajuk *al-Istiqsa' li Adillah Tahrir al-Istimna'*.<sup>70</sup>

Selain itu, al-Ghumari telah mengarang kitab berjudul *Qam'u al-Ashrar 'an Jarimah al-Intihar* pada tahun 1953 dengan mendatangkan solusi dan pencerahan terhadap isu bunuh diri menurut kaca mata Islam.<sup>71</sup> Hal ini menunjukkan sikap prihatin beliau terhadap isu yang melanda negara Mesir pada ketika iaitu peningkatan kes bunuh diri dalam kalangan remaja dan belia Mesir. Al-Ghumari menjadikan penulisan sebagai medium dakwah dalam menyampaikan penyelesaian konflik pada beberapa siri permasalahan sosial yang melanda masyarakat seperti isu merokok, pemindahan organ, pengambilan anak angkat dan lain-lain.<sup>72</sup> Sikap proaktif al-Ghumari dalam menjawab persoalan masyarakat telah memberikan impak dan kesan dalam menyelesaikan isu-isu sosial khususnya bagi golongan remaja.<sup>73</sup>

Potensi dan kesungguhan yang ditunjukkan al-Ghumari dalam menyebarkan ilmu Islam telah menarik perhatian syarikat-syarikat penerbitan untuk mengadakan kerjasama dengan beliau bagi melebarkan sayap penulisan dalam lapangan ilmu Islam. Sulayman al-Wakil, pemilik syarikat percetakan Dar al-Ta'lif telah menawarkan kolaborasi dengan al-Ghumari untuk menerbitkan karya-karya bermusim. Oleh itu, terhasillah karya al-Ghumari berjudul *Samir al-Salihin, Fada'il al-Quran, Husn al-Bayan fi Laylah al-Nisf min Sha'ban* dan *Ghayah al-Ihsan fi Fadl Ramadan*.<sup>74</sup>

Kepakaran al-Ghumari bukan sahaja diperlukan oleh penuntut ilmu sahaja, bahkan dirujuk oleh para ulama dan teman-temannya. Pada usia muda lagi, sebahagian ulama al-Qarawiyin telah merujuk beberapa permasalahan agama dan bertanyakan soalan kepada beliau. Al-Ghumari juga menjadi rujukan bagi ulama al-Azhar termasuk pemuka-pemukanya.<sup>75</sup> Antaranya

---

<sup>68</sup> Muhammad Zulhelmi Sidek & Latifah Abdul Majid, Sumbangan Karya dan Interaksi Dakwah 'Abdullah al-Ghumari, *Jurnal al-Hikmah* 14(2), (2021), 69.

<sup>69</sup> Faruq Hamadah, *'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari: al-Hafiz al-Naqid, 'Ulama' wa Mufakkirun Mu'asirun: Lamahat min Hayatihim wa Ta'rif bi Mu'allafatihim* (Damsyik: Dar al-Qalam, 2006), 47.

<sup>70</sup> *Ibid*, 70.

<sup>71</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Sabil al-Tawfiq fi Tarjamah 'Abd Allah bin al-Siddiq* (Kaheerah: Maktabah al-Qahirah, 2012), 65.

<sup>72</sup> Suheil Ismail Laher, *A Twentieth-Century Mujtahid: The Life and Thought of Shaykh 'Abdullah al-Ghumari*, Tesis Sarjana, Graduate School of Arts and Sciences, (Boston University, Massachusetts, United States, 2007).

<sup>73</sup> Muhammad Zulhelmi Sidek & Latifah Abdul Majid, Sumbangan Karya dan Interaksi Dakwah 'Abdullah al-Ghumari, *Jurnal al-Hikmah* 14(2), (2021), 70.

<sup>74</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Sabil al-Tawfiq fi Tarjamah 'Abd Allah bin al-Siddiq* (Kaheerah: Maktabah al-Qahirah, 2012), 66.

<sup>75</sup> Al-Jabari, 'Abd Allah, *Al-Ijtihad al-Fiqhi 'inda al-Hafiz 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2011), 124.

ialah guru beliau sendiri iaitu Muhammad Bakhit al-Muti'i, seterusnya Yusuf al-Dijwi, Muhammad al-Khadir Husayn dan 'Abd al-Majid al-Labban.<sup>76</sup>

Muhammad al-Khadir Husayn banyak merujuk al-Ghumari berkenaan hujahan balas terhadap Shaltut berkaitan isu empat keperibadian utama bagi rasul dan beberapa masalah lain.<sup>77</sup> 'Abd al-Majid al-Labban yang merupakan dekan Fakulti Usuluddin di al-Azhar pada ketika itu turut meminta bantuan al-Ghumari ketika umur beliau masih belia untuk mengarang hujahan balas terhadap kenyataan Lajnah *Mashayikh* al-Azhar yang diketuai oleh Shaykh al-Azhar berkenaan isu percetakan kitab *Radd al-Darimi 'ala Bishr al-Marrisi* yang mengandungi anasir fahaman *tajsim* dan *tashbih*. Beliau telah mengarang makalah tersebut selama 4 hari sahaja. Natijahnya, Lajnah *Mashayikh* al-Azhar telah menarik semula kenyataan tersebut dan menghalang kitab tersebut daripada dicetak.<sup>78</sup> Hal ini menunjukkan bahawa pengaruh al-Ghumari telah memberikan impak yang sangat besar dalam mengekang ajaran yang menyeleweng daripada landasan yang benar.

Al-Ghumari memiliki ramai murid yang tidak terhitung jumlahnya. Pengaruh keilmuan yang dimiliki beliau telah berjaya melahirkan ratusan murid dari serata pelosok negara Islam yang kini menjadi tokoh dan ulama yang terkenal bahkan berpengaruh di merata tempat. Antara murid-muridnya yang terkenal ialah Salih al-Ja'fari (mantan Imam Masjid al-Azhar), 'Ali Jum'ah Muhammad 'Abd al-Wahhab (mantan Mufti Mesir), 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah (mantan pensyarah Universiti Islam al-Imam Muhammad ibn Su'ud, Riyadh), Muhammad 'Awwamah (tokoh ulama hadith kontemporari), Faruq Hamadah, Mahmud Sa'id Mamduh dan ramai lagi.<sup>79</sup> Hasilnya, perkaderan cendekiawan-cendekiawan Islam yang digerakkan oleh al-Ghumari ini telah memberi kesan yang besar dalam meluaskan pengaruh pemikiran dan keilmuannya ke serata dunia Islam.

### Kesimpulan

'Abd Allah al-Ghumari merupakan tokoh yang berpengaruh dalam dunia keilmuan Islam berdasarkan keilmuan, kepakaran dan karya beliau yang dihasilkan dalam pelbagai cabang ilmu. Meneliti sudut pemikiran al-Ghumari, dapat disimpulkan bahawa pemikiran beliau dari aspek akidah adalah beliau menekankan prinsip *tanzih* dalam perbincangan sifat ketuhanan, di mana beliau mendukung pendekatan *ta'wil* sekaligus mengkritik aliran *tajsim* dan *tashbih*. Al-Ghumari juga mempunyai ijtihad yang tersendiri dalam beberapa persoalan cabang akidah yang kesemuanya berdasarkan dalil al-Quran dan al-Sunnah. Tuduhan bahawa beliau merupakan seorang *tashayyu'* dapat disangkal melalui karya-karyanya yang banyak mengkritik dan menolak golongan Syi'ah. Al-Ghumari layak digelar sebagai tokoh prolifk, kritis dan ensiklopedik kerana penulisan karyanya yang meliputi pelbagai bidang keilmuan Islam dan memberikan impak kepada masyarakat. Kemunculan murid-muridnya yang hebat dan kepakarannya yang dirujuk oleh para ulama besar pada zamannya telah melayakkan al-Ghumari untuk digelar sebagai ikon ulama kontemporari dan tokoh akademia agung. Oleh itu, pemikiran, pengaruh dan karya-karya al-Ghumari sangatlah wajar untuk diketengahkan dalam kalangan akademia mahupun

---

<sup>76</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Bida' al-Tafasir* (Casablanca: Dar al-Rashad al-Hadithah, 1986), 183.

<sup>77</sup> *Ibid*, 175.

<sup>78</sup> *Ibid*, 174-175.

<sup>79</sup> Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Sabil al-Tawfiq fi Tarjamah 'Abd Allah bin al-Siddiq* (Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2012), 63.

masyarakat awam di Malaysia supaya setiap lapisan masyarakat dapat mengambil banyak manfaat daripada keilmuan beliau.

### Rujukan

- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, *Mengenali Kuantitatif dan Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din, *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharuha al-Sayyi' fi al-Ummah*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 1992.
- Afriza, Nugraha Andri, and Khairul Bahri Nasution. "Rekonstruksi Konsep Syaḏ Dalam Kajian Hadis: Telaah Pemikiran Syaikh Abdullah Al-Ghumari." *Jurnal Keislaman* 7, no. 2 (2024): 504-520.
- Ahmad Shah, Faisal. "Fiqh Hadith Dalam Kalangan Ulama Hadith Kontemporari. Kajian Terhadap Metode Kefahaman al-Ghumari dalam Isu-Isu Terpilih." *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies* 19, no. 1 (2021): 83-112.
- Faruq Hamadah, *'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari: al-Hafiz al-Naqid, 'Ulama' wa Mufakkirun Mu'asirun: Lamahat min Hayatihim wa Ta'rif bi Mu'allafatihim*. Damsyik: Dar al-Qalam, 2006.
- Al-Ghalbazuri, Nasibah, *'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari: Juhuduhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir wa 'Ulum al-Quran*, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Muhammad V, Rabat, Maghribi, 2001.
- Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Khawatir Diniyyah*. Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 1968.
- Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Bida' al-Tafasir*. Casablanca: Dar al-Rashad al-Hadithah, 1986.
- Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Raf' al-Ishkal 'an Mas'alah al-Muhal*. Kaherah: t.pt, 1987.
- Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Al-Hujaj al-Bayyinat fi Ithbat al-Karamat*, Beirut: 'Alam al-Kutub, 1990.
- Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Itqan al-Sun'ah fi Tahqiq Ma'na al-Bid'ah*, Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2005.
- Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Sabil al-Tawfiq fi Tarjamah 'Abd Allah bin al-Siddiq*. Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2012.
- Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Al-Istiqsa' li Adillah Tahrir al-Istimna'*, Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2014.
- Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Qissah Sayyidina Adam 'Alayh al-Salam Palestin*: Wahah Al al-Bayt li lhyā' al-Turath wa al-'Ulum, 2014.
- Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Al-Ahadith al-Mukhtarah fi al-Akhlaq wa al-Adab al-Musamma al-Ghara'ib wa al-Wuhdan*. Kaherah: Maktabah al-Qahirah, 2015.

- Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Mawsu'ah al-'Allamah al-Muhaddith al-Mutafannin Sayyidi al-Sharif 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani*, Mahmud Sa'id bin Muhammad Mamduh (pnys.), (Kaherah: Dar al-Salam, 2017).
- Al-Ghumari, 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Siddiq, *Jawahir al-Bayan fi Tanasub Suwar al-Quran*. Kaherah: Maktabah al-Qahirah, t.th.
- Al-Jabari, 'Abd Allah, *Al-Ijtihad al-Fiqhi 'inda al-Hafiz 'Abd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari al-Hasani*. Beirut: Dar Ibn Hazm, 2011.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Al-Khafaji, Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad, *Nasim al-Riyad fi Sharh al-Shifa al-Qadi 'Iyad al-Matba'ah al-'Uthmaniyyah*, 1312H.
- Masrizayu Mustafa, *Pemikiran dalam Novel-novel Khadijah Hashim*, Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia, 2006.
- Muhammad Nazmul Hoque & Md. Faruk Abdullah, *The World's Oldest University and Its Financing Experience: A Study on al-Qarawiyyin University (859-990)*, *Journal of Nusantara Studies* 6(1), (2021), 24-41.
- Muhammad Zulhelmi Sidek, *Pemikiran 'Abd Allah bin Siddiq al-Ghumari Tentang Isu Penghinaan Rasulullah dalam Kitab al-Sayf al-Battar*, Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022).
- Muhammad Zulhelmi Sidek & Latifah Abdul Majid, *Sumbangan Karya dan Interaksi Dakwah 'Abdullah al-Ghumari*, *Jurnal al-Hikmah* 14(2), (2021), 62-79.
- Al-Najdi, Muhammad 'Abd al-Wahhab, *'Aqidah al-Firqah al-Najiyah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* Beirut: al-Maktab al-Islami, 1397H.
- Rizki Zulkarnain, *Kritik Hadits Ahmad al-Ghumari Terhadap Hadits-hadits Palsu Riwayat al-Quda'i dalam Kitab al-Jami' al-Saghir*, Tesis Sarjana, Fakultas Ushuluddin dan Filsafat, (Universitas Islam Negri Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia, 2018).
- Sari, Serli Ratna. "Batasan Akal Mufassir (Analisis Pemikiran Al-Ghumari Tentang Sebab Kesalahan Tafsir)." *SETYAKI: Jurnal Studi Keagamaan Islam* 1, no. 2 (2023): 70-75.
- Shaltut, Mahmud, *Ila al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Shuruq, 1983.
- Sidek, Muhammad Zulhelmi, and Latifah Abdul Majid. "The Contribution Of Writings And Da'wah Interactions Of'abdullah Al-Ghumari." *Al-Hikmah* 13, no. 2 (2021): 62-79.
- Shukri Ahmad, *Pengaruh Pemikiran Ulama di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke-20*. Sintok: UUM Press, 2014.
- Suheil Ismail Laher, *A Twentieth-Century Mujtahid: The Life and Thought of Shaykh 'Abdullah al-Ghumari*, Tesis Sarjana, Graduate School of Arts and Sciences, Boston University, Massachusetts, United States, 2007.
- Suheil Ismail Laher, *Re-forming The Knot – 'Abdullah al-Ghumari's Iconoclastic Sunni Neo-Traditionalism*, *Journal of College of Sharia & Islamic Studies* 36(1), (2018), 201-216.
- Umar Muhammad Noor, *Hadith Sifat: Polemik Takwil Dalam Sejarah Teologi Islam* (Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2022).

'Uthmān, 'Uwaysī. The Sufi Dimension in the Algerian Discourse (Mustafa al-Ghumari as a Model), *Muḥāwarāt fī al-Adab wa al-Naqd* 3, no. 4 (2023): 30–36.